



## Kompetensi profesionalisme guru geografi di Malaysia

Hanifah Mahat, Nasir Nayan, Yazid Saleh, Mohmadisa Hashim, Saiyidatina Balkhis Norkhaidi

Jabatan Geografi dan Alam Sekitar Fakulti Sains Kemanusiaan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak.

Correspondence: Hanifah Mahat (email: hanifah.mahat@fsk.upsi.edu.my)

Received: 30 October 2020; Accepted: 19 May 2021; Published: 27 August 2021

### Abstrak

Kajian ini bertujuan bagi mengkaji kompetensi profesionalisme guru dalam kurikulum geografi tingkatan enam di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang melibatkan 200 orang guru geografi seluruh Malaysia yang dipecahkan kepada lima zon; Zon Utara, Zon Tengah, Zon Pantai Timur, Zon Selatan dan Zon Malaysia Timur yang dipilih menggunakan teknik pensampelan bertujuan. Enam pemboleh ubah kompetensi profesionalisme dan pedagogi yang dikaji adalah kefahaman guru mengikut tajuk, pengetahuan profesionalisme perguruan, pengetahuan kandungan subjek, pengetahuan pedagogi kandungan, pengetahuan teknologi pedagogi dan nilai profesionalisme keguruan guru. Hasil kajian menunjukkan kesemua pemboleh ubah kompetensi profesionalisme dan pedagogi adalah berada pada tahap tinggi. Analisis kolerasi pula menunjukkan kefahaman guru mengikut tajuk mempunyai hubungan signifikan yang kuat dengan kandungan subjek, pengetahuan pedagogi kandungan, pengetahuan teknologi pedagogi, manakala hubungan signifikan yang sederhana dengan pengetahuan profesionalisme perguruan dan nilai profesionalisme keguruan guru. Justeru, ini menunjukkan aspek pengetahuan profesionalisme perguruan dan nilai profesionalisme keguruan perlu dipertingkatkan dalam mencapai kompetensi profesionalisme dan pedagogi guru Geografi Tingkatan Enam di Malaysia yang ideal.

**Kata kunci:** Geografi, guru, kompetensi, kurikulum, pedagogi, profesionalisme

### Professionalism competencies of geography teachers in Malaysia

### Abstract

This study aims to examine the professionalism competencies of form six geography curriculum teachers in Malaysia. This study is a survey study involving 200 geography teachers throughout Malaysia divided into five zones; Northern Zone, Central Zone, East Coast Zone, Southern Zone

and East Malaysia Zone that were selected using purposive sampling technique. The six variables of professionalism and pedagogy competencies studied were teacher understanding by topic, teacher professionalism knowledge, subject content knowledge, content pedagogy knowledge, pedagogical technology knowledge and teacher teaching professionalism value. The results show that all variables of professionalism and pedagogy competencies are at a high level. Correlation analysis showed that teachers' understanding by topic had a strong significant relationship with subject content, content pedagogy knowledge, pedagogical technology knowledge, while a moderate significant relationship with teacher professionalism knowledge and teacher teaching professionalism value. Thus, this shows that the knowledge aspect of teacher professionalism and the value of teacher professionalism need to be enhanced in achieving the ideal professionalism and pedagogy competencies of form six geography teachers in Malaysia.

**Keywords:** Geography, teachers, competencies, curriculum, pedagogy, professionalism

## Pengenalan

Sistem pendidikan di Malaysia sering mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Perubahan ini bertujuan untuk melahirkan murid yang bersedia menghadapi cabaran abad ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015; Layang & Mahamod, 2019; Radin & Yasin, 2018). Pada masa ini, pendidikan di Malaysia adalah berteraskan kepada Pembelajaran Abad ke-21. Mulai tahun 2017, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) secara berperingkat. Secara tidak langsung pada tahun 2020, murid tingkatan 1 hingga 4 telah menggunakan KSSM sepenuhnya dalam pendidikan mereka. KSSM juga digubal adalah bagi memastikan standard kandungan yang digunakan dalam pendidikan di Malaysia adalah setanding dengan standard antarabangsa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Aspek ini dapat membantu mempersiapkan diri murid-murid untuk bersaing di peringkat global dengan keadaan dunia yang semakin mencabar pada masa akan datang.

Pendidikan Geografi di Malaysia juga tidak ketinggalan dalam mengalami perubahan selaras dengan perkembangan semasa dan keperluan negara. Pada masa ini mata pelajaran Geografi hanya dipelajari oleh murid sekolah menengah sahaja namun begitu ianya hanya wajib dipelajari oleh murid menengah rendah manakala menjadi mata pelajaran elektif bagi murid menengah atas. Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), tajuk Geografi menengah rendah terdiri daripada lima tema iaitu kemahiran geografi, geografi fizikal, geografi manusia, geografi kawasan serta isu dan pengurusan alam sekitar manakala menengah atas pula terdiri daripada tiga tema sahaja iaitu kemahiran geografi, geografi fizikal dan geografi manusia (KPM, 2015). Di peringkat tingkatan enam, kandungan geografi manusia, geografi fizikal dan kajian luar masih menjadi fokus dalam sukatan Mata pelajaran Geografi Tingkatan Enam. Di samping itu, elemen nilai juga diselitkan dalam setiap tajuk dalam mata pelajaran ini. Perkara ini jelas menunjukkan melalui mata pelajaran geografi juga dapat membentuk insan yang seimbang iaitu berpengetahuan, berkemahiran serta mengamalkan nilai murni dalam kehidupan mereka (Hanifah, Satryani, Yazid, Kadaruddin, Mohmadisa & Nasir, 2020).

Guru adalah penggerak yang paling penting di peringkat sekolah untuk keberhasilan murid (Samsuiman et al., 2015). Hal ini kerana guru merupakan insan yang sering dirujuk dan menjadi sumber maklumat utama kepada mereka (Khatiman, 2005). Hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani

serta sahsiah telah menjadikan tugas guru berubah iaitu guru bukan hanya sebagai penyampai ilmu pengetahuan malah diberi tanggungjawab untuk membentuk diri setiap murid supaya menjadi insan yang seimbang seperti yang diharapkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Vellymalay, 2016 & Wan Nornajmiwati et al., 2018). Justeru guru seharusnya berkualiti yang secara langsung berkait rapat dengan kompetensi dan komited dengan tugas profesionalnya (Norhana Mohamad et al., 2016). Guru kompeten merupakan guru yang mampu menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, berpengetahuan terhadap kandungan dan berkemahiran terhadap penyampaian pengajaran serta memiliki sifat peribadi mulia yang diterima oleh semua komuniti sekolah dan masyarakat luar (Mohamed Faizul et al., 2019). Dalam konteks mata pelajaran geografi, seseorang guru itu perlu mempunyai pengetahuan yang baik berkaitan kandungan Geografi dan dapat menjelaskan segala perkara yang menggunakan gambar, peta, artikel, jurnal, berita dan media Aikaterini (2009). Sesi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan membolehkan murid-murid menguasai setiap topik dalam mata pelajaran Geografi akan menyumbang kepada peningkatan prestasi dan kecemerlangan murid (Habibah & Vasugiammai, 2011).

Kompetensi guru juga adalah suatu keperluan pada zaman ini untuk menjadikan masyarakat dan negara lebih maju selaras dengan perubahan masa. Namun begitu, kajian Saedah dan Mohammed Sani (2012) mendedahkan faktor guru tidak kompeten akan terkait dengan masalah perkhidmatan, tekanan kerja, konflik peranan, kekaburuan peranan, ketiadaan satu sistem sokongan sosial dari pengetua dan rakan sekerja yang menyebabkan ramai guru telah meletak jawatan atau bersara dengan awal, dan *burnout* dalam kalangan guru. Keadaan ini telah menjejaskan kualiti pendidikan negara kita. Selari dengan itu, pihak KPM mengeluarkan dokumen Standard Guru Malaysia (SGM) yang merupakan dokumen rujukan berkaitan kompetensi yang perlu dicapai dan etika yang perlu dijiwai, diamalkan serta diperlihatkan oleh guru di Malaysia. Namun beberapa kajian mendedahkan pelbagai faktor yang menghalang kompetensi guru antaranya kajian Mohamed Faizul et al. (2019) yang mendapati pengetahuan kandungan oleh guru opsyen dan guru bukan opsyen adalah berbeza dan perkara ini menghalang guru bukan opsyen untuk mencorakkan pengajaran yang berkesan. Kajian Salwa Azwani dan Aziah (2020) dari aspek kompetensi guru dan faktor sistem sekolah. Ini jelas bermakna kajian terperinci perlu dilakukan berhubung kompetensi guru yang tidak secara umum sahaja tetapi mengikut kurikulum subjek atau bidang pengajaran masing-masing. Kajian sebegini perlu agar satu model kompetensi ideal untuk subjek geografi dapat dihasilkan. Penghasilan model kompetensi dalam konteks guru geografi ini harus diberi perhatian meliputi aspek pengetahuan dan kemahiran geografi di samping komponen kompetensi profesional yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Malah kompetensi pengajaran guru geografi harus diteliti dalam dua bidang utama iaitu bidang geografi iaitu geografi fizikal dan geografi manusia yang harus melibatkan aspek pengetahuan profesionalisme, pengetahuan kandungan subjek, pengetahuan pedagogi kandungan, pengetahuan teknologi pedagogi, sikap dan nilai melalui kajian kompetensi guru.

## **Kompetensi guru di Malaysia**

Di Malaysia, hasrat untuk melihat guru yang efisien dan berkualiti telah diterjemahkan dengan pelbagai program bermula dengan peringkat pemilihan calon guru, latihan, fasa induksi, pembangunan profesionalisme berterusan sehingga ke peringkat penilaian serta pengurusan prestasi guru itu sendiri. Malah pihak Kementerian Pendidikan Malaysia terus berusaha

mentransformasikan sistem pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Dokumen PIPP merupakan manifestasi transformasi kerajaan yang paling menyeluruh dan besar bagi murid dari pra sekolah hingga ke pusat pengajian tinggi, dalam mendatangkan pulangan terbaik modal insan untuk memacu segala hasrat pembangunan negara. Secara langsung dokumen ini boleh dijadikan panduan dan rujukan para pendidik di Malaysia.

Panduan yang disediakan oleh pihak KPM, memerlukan guru yang mempunyai kompetensi dari aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu bagi melaksanakan tugas atau tanggungjawab (Mohammed Sani, Ahmad Zabidi, & Husaina Banu, 2015). Kompetensi juga memberi maksud kebolehan dari segi pengetahuan, peribadi dan keterampilan untuk melakukan sesuatu tugas dengan cemerlang dan berkesan (Mohd Faiz & Jamal, 2016). Selain itu, kompetensi juga dapat mengukur kemahiran profesional guru berdasarkan amalan profesionalisme, pengetahuan dan kefahaman, dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran (Roslan, 2014). Kompetensi kerja secara langsung memberi kesan kepada prestasi kerja (Mitrani et al., 1992; Ulrich et al., 1995; Catano, 2001). Di Malaysia, kompetensi profesional guru secara umum telah dibentuk dan diperjelaskan dalam Standard Guru Malaysia (SGM) iaitu target yang perlu dicapai oleh guru (standard) dan pernyataan aspek yang patut disediakan serta dilaksanakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan (keperluan). Dalam dokumen SGM 2.0, terdapat dua komponen kompetensi iaitu dimensi kompetensi dan etika keguruan. Dimensi Kompetensi menjelaskan kompetensi yang perlu dimiliki oleh guru pada pelbagai tahap pembangunan profesionalisme untuk melaksanakan PdP dengan berkesan. Manakala Etika Keguruan merupakan prinsip moral dan nilai akhlak yang seharusnya menjadi pegangan dan amalan guru di Malaysia bagi memastikan profesion keguruan sebagai kerjaya profesional serta dipandang mulia oleh masyarakat. Kompetensi guru mengikut SGM 2.0 melibatkan orientasi ilmu, instruksional, penglibatan komuniti dan kualiti peribadi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).


Penulisan Saedah dan Mohammed Sani (2012) membahagikan kompetensi secara umum dan khusus. Kompetensi secara umum adalah keupayaan seseorang untuk mencapai matlamat interaktif dalam konteks sosial yang khusus dengan menggunakan cara yang diterima serta dapat menghasilkan sesuatu yang positif dengan memberikan kesansignifikan kepada unsur lain. Kompetensi secara khusus pula didefinisikan ukuran yang telah ditetapkan bagi seseorang guru dalam menguasai pelbagai peringkat kompetensi yang diperlukan untuk memenuhi aspirasi murid dan masyarakat. Kajian yang dijalankan oleh Drakulić (2013) pula melihat kompetensi seseorang guru melalui ciri yang ada pada mereka serta kualiti pengajaran yang disampaikan. Beliau berpendapat bahawa kompetensi guru terdiri daripada dua dimensi iaitu terbentuk daripada faktor luaran seperti melalui kursus, latihan atau bengkel dan dimensi yang kedua adalah kompetensi secara semulajadi yang ada dalam diri setiap guru.

Perbincangan Beare (2001) berkaitan kompetensi telah menyenaraikan lima komponen kompetensi iaitu kurikulum, pedagogi, penilaian, sumbangan kepada sekolah dan sumbangan kepada guru. Kompetensi-kompetensi minimum tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kurikulum – Guru perlu mempunyai pengetahuan tentang isi kandungan kursus yang diajar dan ianya perlu sentiasa dikemas kini.
- ii. Pedagogi – Guru perlu tahu mengajar, mengurus kelas dengan menggunakan mod pembelajaran dan kaedah pengajaran yang sesuai serta teknologi yang sesuai.
- iii. Penilaian – Guru perlu tahu menilai hasil kerja murid, menilai kemajuan murid, melaporkan kemajuan kepada murid dan ibu bapa, menyimpan rekod kemajuan pembelajaran dan menetapkan tahap kemajuan.

- iv. Sumbangan kepada sekolah – Guru perlu memberi sumbangan yang konstruktif kepada sekolah secara meluas, menerima tanggungjawab fungsi yang luas kepada sekolah secara formal maupun tidak formal, mengambil berat terhadap tugas dan budaya, mempunyai murid yang baik, reputasi dan pendirian komuniti serta hubungan ibu bapa dan seluruh komuniti.
- v. Sumbangan profesional – Guru perlu mengamalkan profesi perguruan dengan menyertai perkembangan profesional, aktif dalam aktiviti profesional, menyumbang pembangunan dalam profesi perguruan dan asas kemahiran serta bersedia untuk membantu rakan secara profesional.

Kompetensi juga diterjemahkan dalam bentuk Model Kompetensi Bongkah Ais (*Iceberg Competency Model*) dibangunkan oleh Spencer dan Spencer (1993) dengan lima konstruk kompetensi utama iaitu motif, sifat, konsep kendiri, kemahiran dan pengetahuan (Rajah 1). Berdasarkan model tersebut, motif merujuk kepada dorongan tingkah laku individu ke arah tindakan atau tujuan tertentu, sifat merujuk kepada respons individu terhadap sesuatu keadaan atau situasi, konsep kendiri merujuk kepada sikap dan nilai individu, kemahiran pula merujuk kepada kemampuan untuk menyelesaikan tugas tertentu dan akhir sekali pengetahuan pula merujuk kepada sekumpulan maklumat berbentuk fakta yang perlu dimiliki individu untuk memahami sesuatu subjek. Model kompetensi ini digambarkan seperti “iceberg” atau “gunung ais” yang berada di lautan iaitu sebahagian sahaja yang mudah dikenal pasti iaitu kemahiran dan pengetahuan individu malah sebahagian yang lain berada di bawah paras air iaitu motif, sifat serta konsep kendiri dan ianya sukar untuk dikenal pasti. Berdasarkan model ini, jelaslah bahawa seseorang guru dianggap sebagai sebuah iceberg yang mempunyai dua fasa kompetensi iaitu fasa yang boleh dilihat dan dibangunkan dengan mudah dan fasa yang sukar dilihat dengan mata kasar dan sukar untuk dibangunkan. Kemahiran dan pengetahuan seseorang guru mudah dilihat dan dinilai melalui sijil dan rekod kerja (Rashidi, 2018). Kedua-dua konstruk tersebut mampu dibangunkan melalui kursus dan latihan yang dianjurkan oleh pihak sekolah maupun KPM. Namun begitu, konstruk nilai, peranan sosial, imej diri dan sifat merupakan keperibadian yang ada di dalam setiap guru. Ciri-ciri peribadi seseorang guru adalah perkara yang abstrak dan hanya boleh dilihat melalui penampilan mereka dan perkara ini membolehkan seseorang guru dibezaikan dengan guru yang lain (Anwar, 2011). Walau bagaimapun, keseluruhan kompetensi ini adalah diperlukan bagi seorang guru agar matlamat pengajaran profesion tercapai iaitu melahirkan modal insan yang seimbang dan harmonis.



Sumber: Spencer dan Spencer (1993)

**Rajah 1.** Model Kompetensi Bungkah Air Batu (*Iceberg Competency Model*).

Hasil kupasan pendefinisian kompetensi dan komponen kompensi yang harus ada bagi seorang guru di Malaysia, sebaiknya harus berpandukan kepada standard kompetensi yang dikeluarkan oleh pihak KPM. Justeru dalam kajian ini fokus penelitian adalah aspek kompetensi guru khususnya guru yang mengajar mata pelajaran geografi di peringkat Tingkatan 6.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik bagi mengukur lima pemboleh ubah utama kajian iaitu pengetahuan profesionalisme perguruan, pengetahuan kandungan subjek, pengetahuan pedagogi kandungan, pengetahuan teknologi pedagogi dan nilai profesionalisme keguruan guru. Kelima-lima pemboleh ubah ini dipilih bersandarkan Model Standard Guru Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Mengikut data Kementerian Pendidikan Malaysia, anggaran guru geografi yang mengajar geografi Tingkatan 6 adalah seramai 360 orang. Daripada jumlah tersebut bilangan sampel minimum yang disarankan adalah seramai 185 orang (berdasarkan jadual Krijie dan Morgan, 1971). Namun begitu, dalam kajian ini 200 orang guru digunakan sebagai sampel kajian bagi memudahkan pecahan mengikut zon iaitu 40 orang dari Zon Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak), 40 orang dari Zon Tengah (Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya), 40 orang dari Zon Pantai Timur (Kelantan, Terengganu, Pahang), 40 orang dari Zon Selatan (Melaka, Negeri Sembilan, Johor) dan 40 orang dari Zon Malaysia Timur (Sabah, Sarawak). Pemilihan sampel ini adalah dengan menggunakan pensampelan rawak mudah (Rajah 2).



**Rajah 2.** Sampel kajian guru Geografi Tingkatan Enam mengikut zon

## Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian yang mengandungi tujuh bahagian B (Jadual 1). Bahagian A mengandungi maklumat demografi responden manakala Bahagian B meliputi maklumat kefahaman guru yang mengajar subjek Geografi bagi silibus dan tajuk Geografi Tingkatan Enam dalam bentuk jawapan ya atau tidak. Bahagian C, D, E, F dan G pula adalah

melibatkan maklumat pemboleh ubah kajian iaitu pengetahuan profesionalisme perguruan, pengetahuan kandungan subjek, pengetahuan pedagogi kandungan, pengetahuan teknologi pedagogi dan nilai profesionalisme keguruan guru. Skala likert lima mata digunakan bagi menilai setiap bahagian C, D, E, F dan G.

**Jadual 1.** Maklumat soal selidik responden.

Bahagian	Huraian	Pemboleh ubah	Bil. Item	Sumber Item
A	Belakang Guru	Negeri	1	Dibina sendiri mengikut keperluan kajian
		Lokasi	2	
		Latar Umur	1	
		Jantina	2	
		Kaum		
		Kelulusan tertinggi	4	
		Pengalaman mengajar	1	
		Kertas 1: Bahagian A: Geografi Alam Sekitar Fizikal	10	
		Kertas 1: Bahagian B: Geografi Alam Sekitar Manusia	7	
		Kertas 2: Bahagian A: Geografi Alam Sekitar Fizikal	12	
B	Kefahaman Guru Mengikut Tajuk	Kertas 2: Bahagian B: Geografi Alam Sekitar Manusia	7	Berdasarkan Sukatan Mata pelajaran Geografi Tingkatan Enam, Kementerian Pendidikan Malaysia
		Kertas 3: Bahagian A: Geografi Alam Sekitar Fizikal	7	
		Kertas 3: Bahagian B: Geografi Alam Sekitar Manusia	3	
		Kertas 4: Bahagian C: Kajian Luar	6	
C	Pengetahuan Profesionalisme Perguruan		16	Dibina dan diubahsuai daripada Standard Guru Malaysia
D	Pengetahuan Kandungan Subjek		13	Dibina dan diubahsuai daripada Majlis Peperiksaan Malaysia. (2012). Berdasarkan Sukatan Pelajaran dan Kertas Soalan Contoh.
E	Pengetahuan Pedagogi Kandungan		12	Dibina dan diubahsuai daripada Shulman (1987)
F	Pengetahuan Teknologi Pedagogi		10	Dibina dan diubahsuai daripada Mohammad Rusdi, Ab Majid (2017) Dibina dan diubahsuai daripada Majlis Peperiksaan Malaysia. (2012).
G	Nilai Profesionalisme Keguruan Guru		13	Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia. (STPM) Geografi. Sukatan Pelajaran dan Kertas Soalan Contoh.

### *Kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik*

Proses kesahan soal selidik telah melalui kesahan muka dan kesahan pakar. Kesahan pakar adalah terdiri daripada lima orang pensyarah dari Universiti Pendidikan Sultan dan Institut Perguruan Malaysia. Manakala kesahan muka dijalankan keatas tiga orang guru Tingkatan 6 yang mengajar geografi di sekitar Tanjung Malim. Bagi kebolehpercayaan soal selidik pula, Jadual 2 menunjukkan pemboleh ubah dalam kompetensi guru iaitu kefahaman guru mengikut tajuk, pengetahuan profesionalisme perguruan, pengetahuan kandungan subjek, pengetahuan pedagogi kandungan, pengetahuan teknologi pedagogi dan nilai profesionalisme keguruan guru dengan nilai

Alpha Cronbach yang mengukur kekonsistenan dalaman pemboleh ubah. Mengikut Babbie (1992), nilai Alpha Cronbach diklasifikasikan berdasarkan klasifikasi indeks kebolehpercayaan di mana nilai 0.90-1.00 adalah sangat tinggi, 0.70-0.89 adalah tinggi, 0.30-0.69 adalah sederhana dan 0.00-0.30 adalah rendah. Hasil analisis menunjukkan nilai Alpha Cronbach pada klasifikasi sangat tinggi iaitu melebihi 0.90. Instrumen kajian ini mempunyai kebolehpercayaan yang sangat tinggi mengikut klasifikasi Babbie (1992) dan sesuai untuk dijadikan instrumen kajian.

**Jadual 2.** Nilai kebolehpercayaan kajian sebenar.

Pemboleh ubah	Bil Item	Nilai Alpha Cronbach
Kefahaman Guru Mengikut Tajuk	52	0.986
Pengetahuan Profesionalisme Perguruan	16	0.953
Pengetahuan Kandungan Subjek	13	0.949
Pengetahuan Pedagogi Kandungan	12	0.954
Pengetahuan Teknologi Pedagogi	10	0.925
Nilai Profesionalisme Keguruan Guru	13	0.957

## Dapatan dan hasil kajian

### *Latar belakang responden*

Jadual 3 menunjukkan latar belakang responden yang terdiri daripada 200 orang guru-guru subjek Geografi Tingkatan Enam di seluruh Malaysia. Bagi lokasi kajian seramai 97 orang (48.5%) responden bertugas di sekolah di kawasan bandar manakala selebihnya iaitu 103 orang (51.5%) responden bertugas di sekolah di kawasan luar bandar. Majoriti responden berada pada lingkungan umur 46 hingga 50 tahun iaitu seramai 66 orang (33.0%), diikuti lingkungan umur 51 hingga 55 tahun seramai 46 orang (23.0%), 41 hingga 45 tahun seramai 41 orang (20.5%), 36 hingga 40 tahun seramai 26 orang (13.0%), 31 hingga 35 tahun seramai 11 orang (5.5%), lebih 56 tahun seramai enam orang (3.0%) dan kurang 30 tahun seramai empat orang (2.0%). Seterusnya, bagi jantina responden seramai 77 orang (38.5%) adalah responden lelaki manakala 123 orang (61.5%) adalah responden perempuan. Bagi bangsa responden pula, kaum Melayu adalah seramai 124 orang (62.0%), 26 orang (13.0%) bangsa Cina, 13 orang (6.5%) bangsa India, tujuh orang (3.5%) Bumiputera Sarawak, 27 orang Bumiputera Sabah (13.5%), seorang Siam (0.5%) dan dua orang bangsa (1.0%). Kelulusan pendidikan tertinggi guru pula menunjukkan seramai dua orang responden mempunyai kelulusan tertinggi Doktor Falsafah (PhD) (1.0%), 31 orang sarjana (15.5%) dan 176 orang sarjana muda (83.5%). Bagi pengalaman mengajar pula seramai tiga orang berpengalaman mengajar kurang lima tahun (1.5%), 6 hingga 10 tahun seramai 11 orang (5.5%), 11 hingga 15 tahun seramai 26 orang (13.0%), 16 hingga 20 tahun seramai 56 orang (28.0%), 21 hingga 25 tahun seramai enam orang (30.5%), 26 hingga 30 tahun seramai 36 orang (18.0%) dan pengalaman mengajar lebih 31 tahun seramai tujuh orang (3.5%).

**Jadual 3.** Latar belakang demografi responden

<b>Latar Belakang Responden,</b>		<b>N</b>	<b>Peratus (%)</b>
Lokasi	Bandar	97	48.5
	Luar Bandar	103	51.5
	<b>Jumlah</b>	<b>200</b>	<b>100</b>
Umur	Kurang 30 tahun	4	2.0
	31 hingga 35 tahun	11	5.5
	36 hingga 40 tahun	26	13.0
	41 hingga 45 tahun	41	20.5
	46 hingga 50 tahun	66	33.0
	51 hingga 55 tahun	46	23.0
	Lebih 56 tahun	6	3.0
	<b>Jumlah</b>	<b>200</b>	<b>100</b>
Jantina	Lelaki	77	38.5
	Perempuan	123	61.5
	<b>Jumlah</b>	<b>200</b>	<b>100</b>
Kaum	Melayu	124	62.0
	Cina	26	13.0
	India	13	6.5
	Bumiputera Sarawak	7	3.5
	Bumiputera Sabah	27	13.5
	Siam	1	.5
	Bugis	2	1.0
	<b>Jumlah</b>	<b>200</b>	<b>100</b>
Kelulusan Pendidikan Tertinggi	Doktor Falsafah (PhD)	2	1.0
	Sarjana	31	15.5
	Sarjana Muda	167	83.5
	<b>Jumlah</b>	<b>200</b>	<b>100</b>
Pengalaman Mengajar	Kurang 5 tahun	3	1.5
	6 hingga 10 tahun	11	5.5
	11 hingga 15 tahun	26	13.0
	16 hingga 20 tahun	56	28.0
	21 hingga 25 tahun	61	30.5
	26 hingga 30 tahun	36	18.0
	Lebih 31 tahun	7	3.5
	<b>Jumlah</b>	<b>200</b>	<b>100</b>

#### *Tahap kefahaman guru mengenai tajuk Geografi Tingkatan Enam*

Analisis tahap kefahaman guru mengenai tajuk Geografi Tingkatan Enam adalah terdiri daripada tajuk-tajuk di dalam silibus mata pelajaran Geografi STPM Tingkatan Enam yang di bahagikan kepada empat kertas iaitu Kertas 1, Kertas 2, Kertas 3 dan Kertas 4. Kertas 1 dipecahkan kepada dua bahagian iaitu bahagian Geografi Alam Sekitar Fizikal dan Geografi Alam Sekitar Manusia meliputi empat tajuk utama iaitu Sistem Bumi, Sistem Geomorfologi, Penduduk dan Transformasi Desa dan Pembandaran. Bagi Kertas 2 pula, dipecahkan kepada dua bahagian juga iaitu bahagian Geografi Alam Sekitar Fizikal dan Geografi Alam Sekitar Manusia meliputi empat tajuk utama

iaitu Sistem Atmosfera, Sistem Hidrologi, Pembangunan Ekonomi dan Impak Alam Sekitar dan Globalisasi Ekonomi dan Kerjasama Serantau. Seterusnya bagi Kertas 3 pula dipecahkan kepada dua bahagian iaitu bahagian Geografi Alam Sekitar Fizikal dan Geografi Alam Sekitar Manusia meliputi tiga tajuk utama iaitu Sistem Ekologi, Saling Kebergantungan Sistem dan Impak Alam Sekitar dan Pengurusannya. Kertas 4 yang kertas terakhir mewakili Bahagian C iaitu Kajian Luar yang dipecahkan kepada enam bahagian iaitu Pengenalan kepada Kajian Luar, Kaedah Kajian, Pelaksanaan Kajian Luar, Pemprosesan dan Penganalisisan Data dan Maklumat, Penyediaan Laporan dan Pembentangan Laporan. Bagi memudahkan interpretasi tahap tersebut, *cut off* poin daripada Landell (1997) digunakan (Jadual 4).

**Jadual 4.** *Cut off* poin tahap setiap pemboleh ubah kajian

Skala	Tahap
Skor 1.00 – 2.33	Rendah
Skor 2.34-3.66	Sederhana
Skor 3.67-5.00	Tinggi

Sumber: Landell (1997)

Jadual 5 menunjukkan tahap kefahaman guru mengenai tajuk Geografi Tingkatan Enam. Hasil kajian menunjukkan secara keseluruhan tahap pemboleh ubah adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu melebihi 4.00 bagi nilai min. Ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman guru mengenai tajuk Geografi Tingkatan Enam adalah sangat baik dan memuaskan.


**Jadual 5.** Tahap kefahaman guru mengenai tajuk Geografi Tingkatan Enam.

Kertas	Bahagian	Pemboleh ubah	Tahap Rendah		Tahap Sederhana		Tahap Tinggi		Min	SP	Tahap purata
			N	%	N	%	N	%			
Keseluruhan			1	0.5	0	0	199	99.5	4.110	0.573	Tinggi
1	Bahagian A: Geografi Alam Sekitar Fizikal	Sistem Bumi Sistem Geomorfologi	4	2.0	4	2.0	192	96.0	4.072	0.702	Tinggi
	Bahagian B: Geografi Alam Sekitar Manusia	Penduduk Transformasi Desa dan Pembandaran	3	1.5	5	2.5	192	96.0	4.045	0.678	Tinggi
2	Bahagian A: Geografi Alam Sekitar Fizikal	Sistem Atmosfera	1	0.5	1	0.5	198	99.0	4.311	0.624	Tinggi
	Bahagian B: Geografi Alam Sekitar Manusia	Transformasi Desa dan Pembandaran	6	3.0	1	0.5	193	96.5	4.023	0.747	Tinggi
2	Bahagian A: Geografi Alam Sekitar Fizikal	Sistem Hidrologi	5	2.5	1	0.5	194	97.0	4.103	0.704	Tinggi
	Bahagian B: Geografi Alam Sekitar Manusia	Pembangunan Ekonomi dan Impak Alam Sekitar	1	0.5	4	2.0	195	97.5	4.258	0.654	Tinggi
		Globalisasi Ekonomi dan Kerjasama Serantau	4	2.0	0.0	0.0	196	98.0	3.869	0.748	Tinggi
3	Bahagian A:	Sistem Ekologi	6	3.0	0.0	0.0	194	97.0	4.084	0.698	Tinggi

Geografi Alam Sekitar Fizikal Bahagian B: Geografi Alam Sekitar Manusia	Saling Kebergantungan Sistem Impak Alam Sekitar dan Pengurusannya	8	4.0	1	0.5	191	95.5	4.097	0.742	Tinggi
4	Kajian Luar	2	1.0	0.0	0.0	198	99.0	4.159	0.669	Tinggi

### *Tahap Kompetensi Guru Geografi Tingkatan Enam di Malaysia*

Rajah 3 menunjukkan tahap kompetensi guru Geografi Tingkatan Enam di Malaysia dalam kalangan responden yang dibahagikan kepada lima boleh ubah iaitu Pengetahuan Profesionalisme Perguruan (PPP), Pengetahuan Kandungan Subjek (PKS), Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK), Pengetahuan Teknologi Pedagogi (PTP) dan Nilai Profesionalisme Keguruan (NPK). Bagi memudahkan interpretasi tahap setiap boleh ubah, dalam kajian ini membahagikan tahap kepada tiga iaitu tahap rendah, tahap sederhana dan tahap tinggi seperti yang telah diterangkan dalam Jadual 5 sebelum ini. Hasil dapatan menunjukkan secara keseluruhan tahap boleh ubah adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu melebihi Min=4.00. Ini menunjukkan bahawa tahap kompetensi guru Geografi Tingkatan Enam di Malaysia adalah sangat baik dan memuaskan. Kajian ini adalah selari dengan kajian Anuar dan Nelson (2015) yang mendedahkan bahawa majoriti guru mempunyai kompetensi guru yang tinggi dengan menguasai strategi kemahiran mempelbagaikan strategi pengajaran kemahiran membuat penilaian pembelajaran dan kemahiran penggunaan teknologi maklumat. Namun begitu, bagi dapatan kajian Hasnah dan Jamaludin (2017) pula menunjukkan tahap kompetensi guru dari aspek pemahaman dan aspek pengetahuan berada pada tahap sederhana, manakala sikap guru berada pada tahap tinggi dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Secara keseluruhannya, tahap kompetensi guru adalah berbeza mengikut mata pelajaran dan turut dipengaruhi oleh faktor demografi serta faktor-faktor dalaman seperti sokongan organisasi pentadbiran sekolah, latihan yang mencukupi dan pengurusan masa yang efisien (Rohayati, Ahmad Fauzi & Othman, 2012).



**Rajah 3.** Ringkasan tahap kompetensi guru Geografi Tingkatan Enam di Malaysia

*Hubungan antara kefahaman guru mengenai tajuk Geografi Tingkatan Enam dengan kompetensi guru geografi Tingkatan Enam di Malaysia*

Hubungan antara kefahaman guru mengenai tajuk Geografi Tingkatan Enam (boleh ubah bebas) dengan kompetensi guru geografi Tingkatan Enam di Malaysia (boleh ubah bersandar) adalah menggunakan nilai pekali Pearson ini seperti yang dikategorikan oleh Cohen (1992); iaitu (a) nilai pekali korelasi di bawah 0.30 menunjukkan kekuatan perhubungan yang rendah, (b) nilai pekali korelasi antara 0.30 hingga 0.50 menunjukkan kekuatan perhubungan yang sederhana kuat, dan (c) nilai pekali korelasi melebihi 0.50 menunjukkan perhubungan yang kuat (Jadual 6).

**Jadual 6.** Pengelasan kekuatan hubungan/korelasi Cohen (1988)

Nilai r	Interpretasi Hubungan
0.10 hingga 0.29	Lemah
0.30 hingga 0.49	Sederhana
0.50 hingga 1.0	Kuat

Di mana  $+1.00 < r < -1.00$

Jadual 7, analisis kolerasi antara kefahaman guru mengenai tajuk Geografi Tingkatan Enam dengan kompetensi guru geografi Tingkatan Enam di Malaysia menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang sederhana antara boleh ubah pengetahuan profesionalisme perguruan dengan kefahaman guru mengenai tajuk Geografi Tingkatan Enam dengan nilai  $r(188)=.392$ ,  $p<.01$  begitu juga hubungan antara nilai profesionalisme keguruan dengan kefahaman guru mengenai tajuk Geografi Tingkatan Enam dengan nilai  $r(188)=.300$ ,  $p<.01$ . Bagi pengetahuan kandungan subjek, pengetahuan pedagogi kandungan dan pengetahuan teknologi pedagogi masing-masing menunjukkan hubungan signifikan yang sederhana dengan kefahaman guru mengenai tajuk Geografi Tingkatan Enam dengan nilai  $r(188)=.616$ ,  $p<.01$ ,  $r(188)=.574$ ,  $p<.01$  dan  $r(188)=.532$ ,  $p<.01$ .

**Jadual 7.** Hubungan kolerasi antara kefahaman guru mengenai tajuk Geografi Tingkatan Enam dengan kompetensi guru geografi Tingkatan Enam di Malaysia

Pemboleh ubah	Kefahaman Guru Mengenai Tajuk Geografi Tingkatan Enam		Interpretasi Hubungan
	r	p	
Pengetahuan Profesionalisme Perguruan (PPP)	.392**	.000	Sederhana
Pengetahuan Kandungan Subjek (PKS)	.616**	.000	Kuat
Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK)	.574**	.000	Kuat
Pengetahuan Teknologi Pedagogi (PTP)	.532**	.000	Kuat
Nilai Profesionalisme Keguruan (NPK)	.300**	.000	Sederhana

\*\*signifikan pada  $p<0.01$

Ini menunjukkan terdapat hubungan yang kuat antara kefahaman guru mengenai tajuk Geografi Tingkatan Enam dengan pengetahuan kandungan subjek seperti mana menurut Ahmad Yunus dan Ab. Halim (2010), kefahaman terhadap isi kandungan mata pelajaran adalah penting untuk memastikan keberkesanan pengajaran sesuatu pengetahuan kandungan. Selain itu, menurut Mohammad Rusdi (2017), pengetahuan pedagogi kandungan adalah merupakan pengetahuan yang khusus bagi guru untuk mengenal pasti keperluan pengetahuan mata pelajaran bagi guru kerana

kefahaman guru mengenai kandungan mata pelajaran adalah berbeza daripada apa yang difahami oleh pakar isi kandungan mata pelajaran. Ini adalah selari dengan dapatan kajian yang menunjukkan terdapat hubungan yang kuat antara pengetahuan pedagogi kandungan dengan kefahaman guru mengenai tajuk geografi Tingkatan Enam. Hubungan antara pengetahuan teknologi pedagogi dengan kefahaman guru mengenai tajuk geografi Tingkatan Enam juga menunjukkan hubungan yang kuat dalam kajian ini. Ini bertepatan dengan kajian Koehler et al. (2013) yang menyatakan guru harus mengaplikasikan teknologi berkenaan di dalam sesi pembelajaran dan pengajaran secara kreatif dan berfikiran di luar kotak pada masa yang sama mahir dalam mata pelajaran yang diajar.

Dapatkan kajian juga menunjukkan pengetahuan profesionalisme perguruan mempunyai hubungan yang sederhana dengan kefahaman guru mengenai tajuk Geografi Tingkatan Enam. Ini menunjukkan pengetahuan profesionalisme perguruan perlu dipertingkatkan untuk beberapa aspek misalnya merancang pengajaran yang mampu memastikan prestasi pelajar berada di tahap yang tinggi dan mengekalkan suasana pembelajaran yang dapat menyumbang kepada penyampaian maklumat yang berkesan dalam kalangan pelajar (Ibrahim, 2012). Secara keseluruhannya pengetahuan profesionalisme perguruan dan nilai profesionalisme keguruan perlu dipertingkatkan memandangkan ianya memberikan hubungan yang sederhana dengan kefahaman guru mengenai tajuk Geografi Tingkatan Enam dengan meningkatkan persediaan guru dalam mata pelajaran yang diajar dan mempelbagaikan kaedah PdP untuk menarik minat pelajar (Zaiha, 2014).

## Kesimpulan

Hasil kajian ini menunjukkan kesemua pemboleh ubah kompetensi profesionalisme dan pedagogi adalah berada pada tahap tinggi secara keseluruhan. Ini menunjukkan kefahaman guru mengikut tajuk, pengetahuan profesionalisme perguruan, pengetahuan, kandungan subjek, pengetahuan pedagogi kandungan, pengetahuan teknologi pedagogi dan nilai profesionalisme keguruan guru dalam kalangan guru geografi Tingkatan Enam memuaskan dan boleh dibanggakan. Namun begitu bagi aspek pengetahuan profesionalisme perguruan dan nilai profesionalisme keguruan perlu dipertingkatkan dalam mencapai kompetensi profesionalisme dan pedagogi guru Geografi Tingkatan Enam di Malaysia yang ideal memandangkan dapatan hubungan kolerasi antara kefahaman guru mengikut tajuk mempunyai hubungan signifikan yang sederhana dengan pengetahuan profesionalisme perguruan dan nilai profesionalisme keguruan guru. Begitu juga aspek nilai profesionalisme keguruan juga perlu dipertingkatkan di mana guru harus mahir dalam mengawal emosi walaupun pada masa kini profesion guru menghadapi banyak cabaran dalam mengendalikan pelajar yang mempunyai pelbagai ragam. Justeru itu, profesion guru adalah merupakan profesi yang mulia dan sewajarnya menjadi tugas seseorang guru mengekalkan standard profesionalisme guru yang tinggi dalam menjaga digniti dan kredibiliti mereka.

## Penghargaan

Kajian ini dijalankan dengan bantuan Geran Penyelidikan Universiti (GPU 2018-0040-107-01). Terima kasih kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris yang memberi dana penyelidikan dan semua guru geografi Tingkatan Enam yang terlibat dalam kajian ini.

## Rujukan

- Ahmad Yunus, K., & Ab. Halim, T. (2010). Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah : Kajian kes guru cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 13–30.
- Aikaterini, K. (2009). *Geography teacher quality and effectiveness: Lower secondary school students' points of view*.
- Anuar, A., & Nelson, J. (2015). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2), 1-11.
- Anwar, S. (2011). Studi realitas tentang kompetensi kepribadian guru pendidikan agama islam sekolah menengah atas. *Jurnal Pendidikan Agama Islam-Ta'lîm*, 9(2), 145–159.
- Babbie, E. (1992). *The practice of social research*. CA: Wadsworth, Inc.
- Beare, H. (2001). *Creating the Future School*. Taylor & Francis Ltd.
- Chuah, B. K., Wan Rozali, W.H., & Joseph, A. (2013). Isu pengajaran pembelajaran Geografi dan amalan refleksi kendiri dalam kalangan guru pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia. *Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi 2013, 29-30 Ogos 2013, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia*. (ms 157-170).
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2000). *Research methods in education* (5th. ed.). London and New York: NY Routledge Falmer.
- Drakulić, M. (2013). Foreign language teacher competences as perceived by English language and literature students. *Journal of Education Culture and Society*, 4(1), 158–165.
- Habibah, L., & Vasugiammai, M. (2011). GIS dalam pendidikan geografi di Malaysia: Cabaran dan potensi. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 7(1), 42-52.
- Hanifah, M., Satryani, A., Yazid, S., Kadaruddin, A., Mohmadisa, H., & Nasir, N. (2020). Penggunaan dan penerimaan bantu mengajar multimedia terhadap keberkesanan pembelajaran Geografi. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 16(3), 219-234.
- Hanifah, M., Shaharudin, I., Mohmadisa, H., Nasir, N., & Yazid, S. (2015). Transforming Sustainability Development Education in Malaysian Schools through greening activities. *Review of International Geographical Education Online ©RIGEO*, 5(1), 78–94.
- Hasnah, I., & Jamaludin, B. (2017). Kompetensi guru bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 56-66.
- Ibrahim, Saedah Siraj, & Mohammed Sani. (2012). *Standard Kompetensi Guru Malaysia. Laporan Geran. Universiti Malaya*. Diperoleh daripada <http://repository.um.edu.my/25208/1/standard%20kompetensi%20guru%20malaysia%20Saedah%20Siraj%20%26%20Mohammed%20Sani%20Ibrahim.pdf>
- Kandemir, A. M. (2015). The investigation of preservice mathematics and primary education teachers'reflective thinking levels according to some variables. *Education Sciences (NWSAES)*, 10(4), 253-275. <https://doi.org/10.12739/NWSA.2015.10.4.1C0646>
- Katiman, R. (2005). Tanggapan guru dan pelajar terhadap status pendidikan geografi di sekolah-sekolah menengah Malaysia: Satu tinjauan awal. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 1(1), 66-75.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2016). *Etika dalam Profesional Keguruan*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2009). *Standard Guru Malaysia*. (B. P. Guru, Ed.). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Instrumen Standard 4: Pembelajaran dan Pemudahcaraan (Sekolah)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Koehler, M., Mishra, P., & Cain, W. (2013). What is technological pedagogical content knowledge (TPACK). *The Journal of Education*, 193(3), 13–19.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607–610.
- Landell, K. (1997). *Management by menu*. London: Wiley & Sons Inc.
- Layang, F. A., & Mahamod, Z. (2019). Tahap pengetahuan, kesediaan dan sikap guru bahasa Melayu sekolah rendah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran peta pemikiran i-Think. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 37–44.
- Lyle, S. M., & Signe, S. M. (1993). *Competence at work, models for superior performance*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Majlis Peperiksaan Malaysia. (2012). *Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia. (STPM) Geografi. Sukatan Pelajaran dan Kertas Soalan Contoh*. Kuala Lumpur: Majlis Peperiksaan Malaysia. Diperoleh daripada <https://www.moe.gov.my/images/pemberitahuan/standard%20guru%20malaysia%20-%202009.pdf>
- Mitrani, A., Dalziel, M., & Fitt, D. (1992). *Competency based human resource management*. London: Kogan Page.
- Mohamed Faizul, M. S., Syed Kamaruzaman, S. A., Shahrir, J., & Mohd Faiz, B. (2019). Tahap amalan guru Pendidikan Jasmani sekolah menengah dari aspek kefahaman dan transformasi: Satu kajian di daerah Klang, Selangor. *Journal of Management and Operation Research (JoMOR)*, 1(3), 1–14.
- Mohammad Rusdi, A. M. (2017). *Pengetahuan teknologi pedagogi kandungan dan kreativiti pengajaran dalam kalangan guru Bahasa Arab di Malaysia*. (PhD Thesis). Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Mohd Faiz, M. Y., & Jamal, Y. (2017). Model pengukuran kompetensi kerja guru. *Proceedings of the ICECRS*, 1, 13–20.
- Mohd Faiz, M.Y., & Jamal@Nordin,Y. (2016). Model pengukuran kompetensi kerja guru. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia*. Diperoleh daripada <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs>.
- Mohd Faris Dziauddin, Mohmadisa Hashim, & Mohd Suhaily Yusry Che Ngah. (2013). *Geographic literacy among university student's in Peninsular Malaysia*. Geographic Education in Malaysia. Department of Geography and Environment.
- Mohd Rosdi, I. & Mat Taip Pa. (2006). *Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Norhana Mohamad, S., Juliana, B., & Siti Noor, I. (2016). Hubungan antara tahap kompetensi fungsional guru dengan pencapaian akademik pelajar di sekolah menengah di negeri Kelantan. *Proceedings of the ICECRS*, 1, 199–208.
- Radin, M., & Yasin, M. A.-M. (2018). Perlaksanaan Pendidikan Abad Ke-21 di Malaysia: Satu tinjauan awal. *Sains Humanika*, 10(3–2), 1–6.

- Rashidi, A. (2018). Kompetensi interpersonal dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP): Satu Analisis. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1(4), 106–121.
- Rohayati, I., Ahmad Fauzi, M. A., & Othman, T. (2012). Hubungan antara kompetensi guru, sokongan dan prasarana sekolah dengan sikap guru terhadap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 2(1), 51-64.
- Roslan, A. H. (2014). *Kompetensi guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal di Kolej Vokasional negeri Pahang*. (Tesis Sarjana). Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Saedah, S., & Mohammed Sani, I. (2012). *Standard kompetensi guru Malaysia*. Universiti Malaya.
- Salwa Azwani, H., & Aziah, I. (2020). Komuniti pembelajaran profesional di Malaysia: Amalan dan pengaruhnya terhadap kompetensi guru dalam Pendidikan Abad ke-21 di sekolah rendah. *Journal of Educational Research & Indigenous Studies*, 2(1), 1–19.
- Samsuiman, M. A., Benjaman, A., & Arifin, Z. (2015). Hubungan antara kecenderungan minat pelajar dalam Bahasa Arab dengan kualiti diri guru Bahasa Arab MRSM Ulul Albab, Kota Putra. *Journal of Human Capital Development*, 8(2), 49–60.
- Shulman. L. (1987) Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. *Harvard Educational Review*, 57(1), 1-23.
- Spencer, L. M., & Spencer, S. M. (1993). *Competence at work models for superior performance*. John Wiley and Sons Inc.
- Vellymalay, S. K. (2016). Keberkesanan Hubungan Guru Kelas-Murid Dalam Merangsang Kesedaran Terhadap Integrasi Etnik Dalam Kalangan Murid Di Bilik Darjah. *Jurnal Ilmu*, 6, 69–88.
- Wan Mohd Zahid, M. N. (1991). *Reformasi Pendidikan dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah : Isu dan cabaran, reformasi pendidikan di Malaysia*. (M. I. Jauzi, Ed.). Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Wan Nornajmiwati, Zaharah, & Asri. (2018). Peranan guru dalam menerapkan konsep ekologi spiritual untuk meningkatkan domain spiritual murid Pendidikan Khas. *The Online Journal of Islamic Education*, 6(2), 1–8.
- Zaiha Nabila, M. H. (2014). *Kompetensi guru dalam pengajaran amali reka bentuk dan teknologi di sekolah rendah Daerah*. (Master Thesis). Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.